RINGKASAN EKSEKUTIF

MAJLIS DAERAH JELI

# DRAF RANCANGAN TEMPATAN JELI 2020

*Jajahan Pendidikan Syumul*

# RINGKASAN EKSEKUTIF

# DRAF RANCANGAN TEMPATAN

# JAJAHAN JELI

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT RANCANGAN PEMBANGUNAN KOTA BHARU**
**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA**

# Prakata

Rancangan Tempatan Jajahan Jeli 2020 disediakan dibawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Rancangan Tempatan ini akan digunakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan sebagai asas rujukan dan panduan bagi proses kawalan perancangan dan pembangunan di kawasannya. Dokumen ini juga digunakan oleh semua agensi kerajaan dalam proses perancangan dan pembangunan guna tanah di dalam jajahan Jeli.



BAHAGIAN

1

# PENGENALAN

- Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan
- Apa itu Rancangan Tempatan?
- Kandungan RTJ Jeli
- Proses penyediaan RTJ Jeli

# BAHAGIAN 1 PENGENALAN



## APA ITU RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI ?

*"Rancangan Tempatan Jajahan Jeli merupakan satu dokumen perancangan yang menyatakan semua cadangan pembangunan guna tanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot-lot tanah bagi seluruh Jajahan Jeli menjelang tahun 2020. "*



## KEGUNAAN RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI

**MAJLIS DAERAH JELI**
Sebagai panduan dan asas bagi proses kawalan perancangan dan pembangunan secara lebih cekap

**AGENSI KERAJAAN**
Sebagai asas dalam merangka program dan projek pembangunan jabatan.



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN**
Sebagai panduan dan asas bagi proses kawalan perancangan dan pembangunan di kawasannya.

**PELABUR DAN PEMAJU**
Sebagai rujukan bagi tujuan pembangunan.

**ORANG AWAM DAN TUAN TANAH**
Sebagai panduan dalam mengenalpasti status dan potensi tanah masing-masing pada masa depan.

## Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan

RTJ Jeli disediakan seperti peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [subseksyen 12(1)]

RTJ Jeli perlu dipublisitikan kepada orang awam untuk mendapatkan maklumbalas serta bantahan awam [subseksyen 13 (1)]

RTJ Jeli kemudian akan diwartakan selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri Kelantan [subseksyen 15(1)]



# PROSES PENYEDIAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI

Proses penyediaan RTJ Jeli ini melibatkan TIGA proses utama sebelum ianya dibawa ke peringkat pewartaan iaitu peringkat Moblisasi, (merupakan peringkat awal sebelum kajian dimulakan secara rasmi), peringkat Penyediaan laporan (Laporan Awal, Laporan Penemuan & Strategi Pembangunan dan Laporan Draf Rancangan Tempatan) dan kemudiaan peringkat publisiti ke atas laporan Draf Rancangan Tempatan tersebut.

*Peringkat 1 : Mobilisasi*

ASAS RUJUKAN

↓

PUBLISITI AWAL

↓

*Peringkat 2 : Penyediaan Laporan*

PENYEDIAAN LAPORAN




→




→




*Peringkat 3: Publisiti*

Peringkat sekarang

PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM KE ATAS LAPORAN DRAF RT JAJAHAN JELI

↓

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYIASATAN TEMPATAN

↓

KELULUSAN DARI JAWATANKUASA PERANCANGAN NEGERI KELANTAN

↓

*Peringkat 4: Pewartaan*

LAPORAN RANCANGAN TEMPATAN

↓

PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI

↓

KUATKUASA & PEWARTAAN RANCANGAN TEMPATAN



BAHAGIAN 2

# PROFIL JAJAHAN JELI

- Gunatanah Semasa
- Komposisi Gunatanah
- Lokasi dan Pentadbiran
- Daerah dan Mukim

# BAHAGIAN 2 PROFIL JAJAHAN







Info:

KELUASAN : 129,680.26 hektar

PENDUDUK : 39,332 orang (tahun 2010)

PENTADBIRAN : Majlis Daerah Jeli

BILANGAN DAERAH : 3 buah – Jeli, Batu Melintang dan Kuala Balah

MUKIM (16 buah) : Jeli (6 mukim), Batu Melintang (4 mukim) Kuala Balah (6 mukim)

KAWASAN PILIHANRAYA : P030 Jeli: N36 Bukit Bunga, N37 Ayer Lanas & N38 Kuala Balah

BENTUK MUKABUMI: 82% Bukit Bukau, Hutan

PERHUBUNGAN : Laluan Persekutuan 4 (Grik-Tanah Merah), Laluan Persekutiuan 66 (Jeli-Dabong)

## PENGENALAN

**2.1** Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas tentang latarbelakang kawasan jajahan Jeli bagi memberi kefahaman tentang keadaan semasa kawasan kajian

## 2.2 Lokasi & Pentadbiran

Jajahan Jeli merupakan jajahan terkecil yang bersempadan dengan Negara Thailand di sebelah utara, Jajahan Tanah Merah di sebelah timur, Jajahan Kuala Krai dan Gua Musang di sebelah selatan dan Negeri Perak di sebelah barat. Jalan perhubungan utama ke Jajahan Jeli adalah melalui Jalan Persekutuan 66 (Gua Musang – Jeli) dan direntasi oleh Lebuhraya Timur Barat.




## 2.3 Daerah & Mukim

Dari aspek pentadbiran, Jajahan jeli mempunyai tiga daerah yang terdiri daripada Jeli, Batu Melintang, Kuala Balah serta merangkumi 7 mukim mengikut fizikal dan 15 mukim pentadbiran. Di mana daerah Kuala Balah merupakan daerah yang paling luas berbanding daerah lain. Daerah Jeli terdiri daripada 6 mukim iaitu, Jeli, Gemang, Ayer Lanas, Sungai Satan, Berdang, dan Legeh. Manakala daerah Batu Melintang terdiri daripada 3 mukim iaitu, Batu Melintang, Kalai, dan Pendok. Sementara itu, daerah Kuala Balah yang terdiri daripada 6 mukim iaitu, Lubok Bongor, Kubor Datu, Bukit Selar, Bukit Jering, Jerimbong dan Kuala Balah.

*Daerah dan Mukim Mengikut Fizikal di Jajahan Jeli*

| Bil | Daerah | Keluasan (hektar) | Peratus | Mukim | Keluasan (hektar) | Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Jeli | 33,552.90 | 25.87 | Jeli | 17,699.25 | 13.65 |
| | | | | Jeli Tepi Sungai | 15,853.65 | 12.23 |
| 2 | Batu Melintang | 33,968.20 | 26.19 | Belimbing | 25,969.56 | 20.03 |
| | | | | Kalai | 7,998.64 | 6.17 |
| 3 | Kuala Balah | 62,159.16 | 47.94 | Lubok Bongor | 29,050.08 | 22.39 |
| | | | | Bunga Tanjung | 11,747.11 | 9.06 |
| | | | | Kuala Balah | 21,361.97 | 16.47 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **129,680.26** | **100.0** | | **129,680.26** | **100.00** |



## 2.4 Komposisi Guna tanah

1.63% tanah telah dimajukan untuk pembangunan. 65.04% berhalangan untuk dimajukan yang meliputi kawasan tanaman padi, badan air dan kawasan hutan simpan. 33.33% berpotensi untuk pembangunan akan datang merupakan kawasan pertanian (bukan jelapang padi), tanah kosong dan tanah terbiar.

*Jadual Gunatanah Utama Jajahan Jeli 2010*

| GUNA TANAH | Sediaada (Hektar) | Peratus (%) |
|---|---|---|
| **A. GUNA TANAH TEPUBINA** | | |
| **Kediaman** | | |
| Terancang | 45.80 | 0.04 |
| Tidak Terancang | 553.28 | 0.43 |
| **Perniagaan Dan Perkhidmatan** | 58.96 | 0.05 |
| **Perindustrian** | 37.68 | 0.03 |
| **Institusi Dan Kemudahan Masyarakat** | | |
| Pendidikan | 270.19 | 0.21 |
| Kesihatan | 11.34 | 0.01 |
| Keagamaan | 14.92 | 0.01 |
| Perkuburan | 20.27 | 0.02 |
| Keselamatan | 39.43 | 0.03 |
| Rumah Kebajikan | 0.80 | 0.01 |
| Kegunaan Kerajaan | 35.77 | 0.03 |
| Lain-Lain Kemudahan Masyarakat | 6.02 | 0.01 |
| **Tanah Lapang Dan Rekreasi** | 33.33 | 0.03 |
| **Pengangkutan** | | |
| Jalanraya | 965.69 | 0.74 |
| Kemudahan Pengangkutan | 2.11 | 0.01 |
| **Infrastruktur Dan Utiliti** | | |
| Bekalan Elektrik | 4.58 | 0.01 |
| Bekalan Air | 6.73 | 0.01 |
| Pelupusan Sisa Pepejal | 1.51 | 0.01 |
| Telekomunikasi | 2.29 | 0.01 |
| Jumlah Kecil | 2,110.70 | 1.63 |
| **B. GUNA TANAH BUKAN TEPUBINA** | | |
| **Tanah Kosong** | 405.85 | 0.31 |
| **Pertanian** | | |
| Pertanian | 46,921.03 | 36.18 |
| Tanah Terbiar | 570.22 | 0.44 |
| Penternakan Dan Akuakultur | 15.81 | 0.01 |
| **Badan Air** | 2,097.78 | 1.62 |
| **Hutan** | 77,558.37 | 59.81 |
| **Jumlah kecil** | **127,569.56** | **98.37** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **129,680.26** | **100.00** |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Jajahan Jeli, 2020*




## 2.5 Guna Tanah Semasa (Tahun 2010)

Secara amnya, corak guna tanah di Jajahan Jeli diklasifikasikan kepada dua (2) kategori iaitu guna tanah tepubina yang merangkumi kawasan seluas 2,104.90 hektar ataupun sebanyak 1.62% dan guna tanah bukan tepubina yang merangkumi 127,575.36 hektar ataupun sebanyak 98.38%. Keseluruhannya, Jajahan Jeli merangkumi kawasan seluas 129,680.26 hektar.
















*PELAN GUNATANAH SEMASA JELI TAHUN 2010*





BAHAGIAN

3

# HALA TUJU & WAWASAN PEMBANGUNAN

- Wawasan
- Konsep dan Strategi pembangunan
- Teras pembangunan





# BAHAGIAN 3 HALA TUJU PEMBANGUNAN





## PENGENALAN

3.1 Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas tentang wawasan, matlamat, tema dan strategi pembangunan yang dirancang di Jajahan Jeli supaya dapat menyokong arah tuju pembangunan di masa depan.

## WAWASAN PEMBANGUNAN

3.2 Wawasan pembangunan Jajahan Jeli adalah berpaksikan kepada dasar " **MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**" yang berteraskan *Ubudiyyah* (hamba Allah), *Masuliyyah* (akauntabiliti) dan *Itqan* (kualiti kerja) iaitu:

*"Menjadikan Jajahan Jeli Sebagai Sebuah Bandar Sejahtera Dengan Pembangunan Institusi Pendidikan Yang Syumul Dan Berciri Jayadiri Dalam Menjana Aspek Ekonomi, Persekitaran Fizikal Yang Berkualiti Tinggi Tanpa Menjejaskan Kualiti Alam Semulajadi"*

3.3 Cadangan pembangunan yang dihasilkan mengikut sektor-sektor yang meliputi enam teras perancangan utama iaitu:

Teras 1: Pembangunan Perbandaran Progresif & Petempatan Desa Mampan
- Gunatanah Fizikal Pembangunan
- Petempatan Desa

Teras 2: Pembangunan Ekonomi Progresif & Petempatan Desa Mampan
- Perdagangan dan Penjajaan
- Perindustrian , Pelancongan
- Pertanian, Penternakan dan Perhutanan

Teras 3: Perhubungan dan Pengangkutan Yang Menyeluruh
- Pengangkutan dan Lalulintas

Teras 4: Peningkatan Kualiti Hidup Komuniti Sejahtera
- Perumahan dan Kemudahan Masyarakat
- Pusat Bandar & Rekabentuk Bandar
- Kemudahan Rekreasi & Lanskap
- Infrastruktur & Utiliti

Teras 5: Pembangunan dan Pemeliharaan Alam Sekitar
- Sumberjaya Asli dan Pembangunan Alam Sekitar
- Penilaian Kemampanan

Teras 6: Kecemerlangan Urustadbir dan Dayalaksana
- Sistem Maklumat Geografi , Pengurusan & Pelaksanaan Projek




*Teras Perancangan bagi Kajian Rancangan Tempatan Jajahan Jeli*






# Konsep Pembangunan Jajahan Jeli adalah :

## 'KONSEP PEMBANGUNAN KEMAMPATAN BANDAR (COMPACT CITY)''

Untuk mengukuhkan pemilihan konsep ini, beberapa aspek tambahan telah dihasilkan untuk menyokong Konsep Pembangunan ini iaitu:-

i. Kawasan pembangunan yang dicadangkan bagi setiap pusat petempatan adalah berdasarkan kepada anggaran keperluan tanah perumahan sehingga 2020 untuk mengurang pembukaan tanah-tanah pertanian terutamanya tanah kelas 2 dan 3.

ii. Tanah-tanah yang berpotensi untuk pembangunan merangkumi kawasan 'infill' seperti tanah kosong/terbiar dan kawasan-kawasan perkampungan yang berada di sekeliling pusat petempatan yang mengalami tekanan pembangunan.

iii. Kawasan-kawasan KSAS akan dikekalkan bagi mengelakkan bencana risiko walau pun terletak di koridor utama pembangunan terutamanya hutan simpan, kawasan tadahan air, rizab perhilitan dan lain-lain kategori KSAS. Ini selari dengan pembangunan strategi pelancong iaitu pelancongan berasaskan eko dan agro – lancong.




*Fungsi Pusat –Pusat Petempatan di Jeli*

| PUSAT PETEMPATAN | FUNGSI |
|---|---|
| 1. Bandar Jeli | • Pusat Pentadbiran Jajahan<br>• Pusat Perkhidmatan dan Perdagangan Bertaraf Sederhana<br>• Pusat Institusi Pendidikan<br>• Pusat Perkhidmatan Pertanian<br>• Terminal Pengangkutan Bersepadu<br>• Pusat Perkhidmatan Pelancongan |
| 2. Ayer Lanas | •Pintu masuk/ keluar dari Tanah Merah/ Kota Bharu<br>•Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Pusat IKS |
| 3. Gemang | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran Barangan terhad<br>•Pusat Institusi Pendidikan<br>•Pusat Institusi Penyelidikan Berasaskan Pertanian |
| 4. Lubok Bongor | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran Barangan terhad<br>•Pusat institusi keselamatan |
| 5. Batu Melintang | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran Barangan terhad<br>•Pusat Transit kenderaan<br>•Pusat pengumpulan pemasaran hasil pertanian<br>•Pintu masuk/ keluar utama negeri dari utara Semenanjung Malaysia<br>•Pusat Institusi Keselamatan |
| 6. Kg. Tunku Abdul Rahman (Kuala Balah) | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran barangan terhad<br>•Pintu Masuk Air Terjun Stong<br>•Pintu Masuk/ Keluar Dari Dabong/ Gua Musang<br>•Pusat IKS |

*PELAN KONSEP PEMBANGUNAN JELI 2020*





BAHAGIAN

# 4
# CADANGAN PEMBANGUNAN

TERAS 1 : PEMBANGUNAN PERBANDARAN PROGRESIF & PETEMPATAN MAMPAN

TERAS 2 : PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BERDAYA SAING

TERAS 3 : PERHUBUNGAN & PENGANGKUTAN YANG MENYELURUH

TERAS 4 : PENINGKATAN KUALITI HIDUP KOMUNITI SEJAHTERA

TERAS 5 : PEMBANGUNAN & PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

TERAS 6 : KECEMERLANGAN URUSTADBIR DAN DAYA LAKSANA

TERAS 1

# PEMBANGUNAN PERBANDARAN PROGRESIF & PETEMPATAN DESA MAMPAN



## PENGENALAN

**4.1** Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas tentang pembangunan gunatanah fizikal yang telah dirancang di kawasan petampatan di Jajahan Jeli termasuk had pembangunan sehingga tahun 2020 selain tidak meminggirkan aspek petempatan desa dalam kajian teras ini.

### 4.2 Pusat Petempatan Utama (PPU) Bandar Jeli

Had pembangunan Bandar Jeli pada tahun 2020, meliputi Jalan Malaysia di bahagian timur hingga ke tapak Hospital Jeli yang baru di sebelah barat dan Kg. Berdang di bahagian selatan. Kawasan Perancangan Pusat Bandar (KPPB) meliputi keluasan 776.75 hektar yang merupakan kawasan utama.

**Cadangan-cadangan lain adalah:**

- Kawasan kediaman seluas 413.37 hektar
- Kawasan perdagangan 89.62 hektar
- Cadangan Politeknik Jeli






## 4.3 Pusat Petempatan Kecil (PPK) Ayer Lanas

Merupakan sebahagian daripada Koridor pembangunan utama Jajahan Jeli dari Ayer Lanas hingga Bandar Jeli dan menjadi pintu masuk utama jajahan Jeli dari Kota bharu melalui Tanah Merah. Pada masa hadapan, PPK Ayer Lanas ini akan terus menjadi pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian.

**Cadangan-cadangan lain adalah:**

- Kawasan perdagangan 6.55 hektar
- Kawasan Penempatan Semula IKS
- Kawasan kediaman 180.71 hektar
- Cadangan perpustakaan desa



## 4.4 Pusat Petempatan Kecil (PPK) Gemang

Merupakan sebahagian daripada Koridor pembangunan utama Jajahan Jeli dari Ayer Lanas hingga Bandar Jeli dan akan dibangunkan sebagai pusat sokongan kepada institusi pendidikan seperti UMK dan Maktab Rendah Sains MARA Jeli.

**Cadangan-cadangan lain adalah:**

- Kawasan perdagangan 22.54 hektar
- Kawasan kediaman 239.27 hektar
- Cadangan tambahan sebuah sekolah menengah
- Cadangan naiktaraf klinik desa






## 4.5 Pusat Petempatan Kecil (PPK) Lubok Bongor

Ianya terletak di luar koridor pembangunan utama Jajahan Jeli (Ayer Lanas- Gemang- Bandar Jeli) tetapi berada di tengah-tengah koridor bandar Jeli- Kuala Balah dan menjadi pusat petempatan tumpuan penduduk atau pelancong yang datang ke Lata Renyok .

**Cadangan-cadangan lain adalah:**

- Kawasan perdagangan 2.75 hektar
- Kawasan kediaman 256.78 hektar
- Cadangan tambahan Klinik Desa
- Cadangan pengekalan kawasan pertanian sebagai Mini Jelapang Padi



## 4.6 Pusat Petempatan Kecil (PPK) Batu Melintang

Merupakan pintu masuk utama ke Jajahan Jeli dari utara Semenanjung Malaysia (melalui Negeri Perak). Keutamaan pembangunan di kawasan ini adalah dengan meningkatkan cadangan kediaman bagi menampung keperluan perumahan dari dua kem tentera iaitu di Kem Batu Melintang dan Kem Gunung Reng.

**Cadangan-cadangan lain adalah:**

- Kawasan perdagangan 13.50 hektar
- Kawasan kediaman 581.29 hektar
- Cadangan tambahan sebuah sekolah rendah dan sekolah menengah vokasional
- Cadangan naiktaraf klinik desa






## 4.7 Pusat Petempatan Kecil (PPK) Kuala Balah

Ianya terletak di bahagian selatan Jajahan Jeli yang menjadi pintu masuk dari jajahan Kuala Krai melalui Laluan Persekutuan 66 dan berada di luar koridor pembangunan utama Jajahan Jeli (Ayer Lanas-Gemang- Bandar Jeli).

**Cadangan-cadangan lain adalah:**

- Kawasan perdagangan 4.80 hektar
- Kawasan kediaman 431.74 hektar
- Cadangan naiktaraf hentian rehat dan rawat
- Cadangan sebuah balai bomba
- Cadangan perpustakaan desa






# TERAS 2
# PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BERDAYA SAING





## PENGENALAN

**4.8** Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas tentang cadangan pembangunan bagi sektor perdagangan, perindustrian, pelancongan, pertanian dan penternakan sehingga tahun 2020.

## 4.9 Perdagangan dan Penjajaan

Cadangan pembangunan perdagangan dan penjajaan bagi keseluruhan Jajahan Jeli pada masa hadapan tertumpu di koridor pembangunan utama iaitu dari Ayer Lanas hingga Bandar Jeli yang melibatkan cadangan pengukuhan aktiviti perdagangan dan penjajaan di rangkaian pusat-pusat petempatan sedia ada mengikut hierarki pusat petempatan yang ditetapkan sehingga tahun 2020.

| Pusat Petempatan | Cadangan |
|---|---|
| Pusat Petempatan Utama (PPU)<br>• Bandar Jeli | • Pembesaran kawasan pusat perdagangan sedia ada. |
| Pusat Petempatan Kecil (PPK)<br>• Ayer Lanas<br>• Gemang<br>• Batu Melintang<br>• Lubok Bongor<br>• Kuala Balah | • Mewujudkan kawasan perdagangan pusat/ zon perdagangan.<br>• Pembesaran kawasan pusat perdagangan sedia ada.<br>• Pembangunan semula kawasan perdagangan using khususnya pekan Ayer Lanas & Kuala Balah |
| Pusat Petempatan Desa (PPD)<br>• Kg. Bukit Jering<br>• Kg. Kalai<br>• Kg. Pasir Dusun | • Kawasan Perdagangan baru |






TERAS 2

# PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BERDAYA SAING







## 4.10 Perindustrian

Cadangan pembangunan sektor perindustrian di Jajahan Jeli adalah:

- Mengukuhkan aktiviti perindustrian sedia ada melalui pemusatan dan penyerakkan kelompok industri yang berpotensi di kawasan tumpuan industri terutama di koridor Kg.Bukit Jering-Kuala Balah.
- Membangunkan kawasan industri kecil dan sederhana (IKS) di kawasan pusat petempatan terpilih terutama di Ayer Lanas, Jeli dan Kuala Balah.
- Meningkatkan kualiti dalam persekitaran melalui langkah-langkah pencegahan bagi meminimakan kesan negatif yang dihasilkan oleh aktiviti perindustrian.
- Meningkatkan kemudahan infrastruktur perhubungan dan kemudahan perindustrian di Jajahan Jeli.

*Pelan Cadangan Perindustrian Jajahan Jeli, 2020*






Cadangan Pembangunan Taman IKS Ayer Lanas (Kluster Industri Asas Tani dan Makanan)



Cadangan Pembangunan Taman IKS Jeli (Kluster Industri Perkayuan/ Perabot)

***Pelan Cadangan Pembangunan Pelancongan Jajahan, Jeli 2020***




*Cadangan Kluster Pelancongan*

## 4.11 Pelancongan

Cadangan pelancongan masa hadapan akan tertumpu kepada tarikan berasaskan semulajadi dan berasaskan warisan kebudayaan. Tumpuan perlu diberi kepada:

- Peningkatan ketibaan pelancong
- Penyelenggaraan kemudahan pelancongan secara berkala
- Usaha promosi tarikan pelancongan

| Kluster Pelancongan | Mempertingkatkan Produk Pelancongan Sedia Ada | Cadangan Produk Pelancongan Baru / tambahan |
|---|---|---|
| Pelancongan Eko | • Pusat Rekreasi Lata Janggut<br>• Pusat Rekreasi Lata Sg.Renyok<br>• Kolam Air Panas Jeli<br>• Taman Santuari Tasik Pergau | • Lata Gantung (Bukit Selar)<br>• Lata Chenang / Lindungan Bulan<br>• Lata Indah, Kg. Pasir Dusun<br>• Lata Jeku, Kg. Lubok Bungor<br>• Bukit Gua Setir, Jeli |
| Geo Pelancongan | • Pusat Rekreasi Gunung Reng | • Pusat aktiviti riadah/lipur diri berteraskan alam sekitar dan geologi<br>• Penganjuran pakej pengembaraan sambil cuti & lipur diri. |
| Pelancongan Warisan Kebudayaan | • Program Inap Desa Kg.Bukit Jering<br>• Penempatan Orang Asli Pos Sungai Rual | • Program Inap Desa Kg. Batu Melintang<br>• Program Inap Desa Kg. Lata Janggut |
| Pelancongan Buatan Manusia | • Tiada | • Pusat Perkhidmatan Pelancong Jeli |
| Pelancongan Agro - Industri | • Produk makanan ringan & kuih muih tradisional (akok, dodol, bahulu, laksa & laksam), Kg. Pasir Dusun dan Kg. Belahat<br>• Produk kraf kayu/ buloh/ rotan/ mengkuang di Pos Sg. Rual<br>• Produk rempeyek, kuih kapit, sos cili, kerepek pisang, cakar ayam & kerepek ubi di Kg. Lubok Bungor, Kg. Lata Janggut, Kg. Ayer Lanas dan Kg Tunku Abdul Rahman | • Bazar Asas Tani dan Industri IKS Jeli |







## 4.12 Pertanian dan Penternakan

Cadangan pembangunan sektor pertanian di Jajahan Jeli adalah:

- Pengekalan kawasan pertanian di luar kawasan pembangunan dan peningkatan produktiviti tanaman
- Pengekalan dan pembangunan kawasan peneluaran makanan dan peningkatan produktiviti ternakan haiwan
- Pengekalan dan pembangunan zon industri akuakultur dan peningkatan produktiviti akuakultur
- Pembangunan dan peningkatan produktiviti asas tani

*Pelan Cadangan Pembangunan Pertanian dan Penternakan Jajahan eli 2020*





## 4.13 Perhutanan

Cadangan pembangunan sektor perhutanan di Jajahan Jeli adalah:

- Mengekalkan kawasan perhutanan (Hutan Simpan Kekal) untuk kepentingan ekonomi nasional dan negeri, keseimbangan alam sekitar serta kemakmuran masyarakat.
- Menggalakkan aktiviti eko-pelancongan.

*Pelan Cadangan Pembangunan Perhutanan Jajahan, Jeli 2020*



TERAS 3

# PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN YANG MENYELURUH





## PENGENALAN

**4.14** Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas tentang cadangan pembangunan bagi sektor pengangkutan dan lalulintas bagi keseluruhan Jajahan Jeli sama ada meliputi sistem rangkaian jalan, sistem pengurusan lalulintas mahupun pembangunan pengangkutan awam

## 4.15 Pengangkutan dan Lalulintas

a. Cadangan Jalan Baru

| Cadangan Jalan Baru | Bilangan lorong | Panjang (km) |
|---|---|---|
| Jalan Jeli-Kuala Krai (melalui Gua Setir) | 2 lorong 2 hala (rizab 40m) | 14.45 |
| Jalan Kg. Berdang | 2 lorong 2 hala (rizab 30m | 4.13 |
| Jalan Kg. Berdang-Kg. Sg. Rual Melayu-Kg. Sg. Rual | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 4.94 |
| Jalan di Kg. Jeli | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 3.82 |
| Jalan menghubungkan Laluan Persekutuan 202 ke Bandar Jeli | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 1.25 |
| Jalan menghubungkan laluan negeri D203 ke cadangan jalan Jeli-Kuala Krai | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 1.06 |
| Jalan menghubungkan Jalan Pekeliling ke Mahkamah (Bandar Jeli) | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 0.55 |
| Jalan penghubung ke perumahan TNB | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 0.28 |
| Jalan Kg. Lakota | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 2.42 |









b. Cadangan Naiktaraf Jalan

| Cadangan Naiktaraf Jalan | Bilangan lorong | Panjang (km) |
|---|---|---|
| Laluan persekutuan 4 (bermula dari persimpangan Jeli ke sempadan Tanah Merah) | 4 lorong 2 hala (rizab 40m) | 13.69 |
| Laluan Persekutuan 66 (bermula dari persimpangan Jeli ke cadangan naiktaraf jalan komited) | 4 lorong 2 hala (rizab 40m) | 0.89 |
| Laluan Persekutuan 203 (bermula dari persimpangan Laluan Persekutuan 4)ke jalan sedia ada (jalan kampung) | 2 lorong 2 hala (rizab 30m) | 1.68 |
| Jalan sedia ada (bermula dari jambatan Kg Seberang Jeli ke cadangan jalan baru | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 2.05 |
| Jalan sedia ada (bermula di persimpangan Laluan Persekutuan 4 ke Kampung Sg. Rual) | 2 lorong 2 hala (rizab 20m) | 12.70 |
| Di Jambatan Bailey Kg Batu Melintang | - | - |

## Pelan Cadangan Jalan Baru dan Naik Taraf Jalan bagi Jajahan Jeli



# TERAS 4
# PENINGKATAN KUALITI HIDUP KOMUNITI SEJAHTERA







## PENGENALAN

**4.14** Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas tentang cadangan pembangunan bagi sektor perumahan dan kemudahan masyarakat, kemudahan rekreasi dan lanskap serta infrastrukutr.

## 4.15 Perumahan

Secara amnya, pembangunan perumahan di Jajahan Jeli akan menumpukan kepada perumahan terancang dan kediaman kampung. Ianya meliputi beberapa kawasan petempatan di Bandar Jeli, Ayer Lanas, Gemang, Lubok Bongor, Batu Melintang, Kuala Balah, Bukit Jering dan Kalai.

Keperluan perumahan unjuran tahun 2020 dianalisis berdasarkan stok perumahan semasa, penggantian perumahan sedia ada yang usang serta mengambilkira pertambahan bilangan penduduk sehingga tahun 2020.

***Pelan Cadangan Pembangunan Perumahan Jajahan Jeli 2020***




| BLOK PERANCANGAN | UNJURAN KEDIAMAN | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2020 | JUMLAH |
| BP1 Bandar Jeli | 959 Unit<br>23.98 Hektar | 645 Unit<br>16.13 Hektar | 1,604 Unit<br>40.11 Hektar |
| BP2 Ayer Lanas | 930 Unit<br>23.25 Hektar | 384 Unit<br>9.60 Hektar | 1,314 Unit<br>32.85 Hektar |
| BP3 Lubok Bongor | 129 Unit<br>3.23 Hektar | 119 Unit<br>2.98 Hektar | 248 Unit<br>6.21 Hektar |
| BP4 Bukit Jering | 70 Unit<br>1.75 Hektar | 58 Unit<br>1.45 Hektar | 128 Unit<br>3.20 Hektar |
| BP5 Kalai | 54 Unit<br>1.35 Hektar | 39 Unit<br>0.98 Hektar | 93 Unit<br>2.33 Hektar |
| BP6 Batu Melintang | 144 Unit<br>3.60 Hektar | 131 Unit<br>3.28 Hektar | 275 Unit<br>6.88 Hektar |
| BP7 Kuala Balah | 261 Unit<br>5.53 Hektar | 217 Unit<br>5.43 Hektar | 478 Unit<br>10.96 Hektar |
| JUMLAH | 2,547 Unit<br>63.39 Hektar | 1,593 Unit<br>39.85 Hektar | 4,140 Unit<br>102.54 Hektar |

# TERAS 4
# PENINGKATAN KUALITI HIDUP KOMUNITI SEJAHTERA





## 4.16 Kemudahan Masyarakat

Seiring dengan pertambahan penduduk dari 39,332 orang kepada 55,353 orang pada tahun 2020 bagi Jajahan Jeli, cadangan bagi meningkatkan taraf hidup komuniti sejahtera melalui peningkatan kemudahan masyarakat adalah seperti jadual di bawah.








| Kemudahan | Sedia Ada Dikekalkan | | Cadangan (He) | | Jumlah 2020 |
|---|---|---|---|---|---|
| | Semasa | Komited | Unit | Hektar | |
| **Pendidikan** | | | | | |
| Intitut Pengajian Tinggi/Kemahiran | - | 2 | 2 | 120.0 | 4 |
| Sekolah Menengah Kebangsaan | 4 | 3 | 2 | 23.1 | 9 |
| Sekolah Menengah Agama Rakyat | 4 | - | - | - | 4 |
| Sekolah Menengah Asrama Penuh | 1 | 1 | - | - | 2 |
| Sekolah Rendah Kebangsaan | 15 | 2 | 2 | 8.0 | 19 |
| Tabika | 40 | - | 64 | 6.4 | 104 |
| **Kesihatan** | | | | | |
| Hospital | 1* | - | 1 | 40.0 | 1 |
| Klinik Kesihatan | 3 | - | 1 | 2.8 | 4 |
| Klinik Desa | 11** | - | 3 | 0.6 | 14 |
| **Keselamatan** | | | | | |
| Balai Bomba | 1 | - | 1 | 2.0 | 2 |
| Ibupejabat Polis Daerah | - | - | 1 | 20.0 | 1 |
| Balai Polis | 4 | - | - | - | 4 |
| Pondok Polis | 1 | - | 4 | 4.0 | 5 |
| **Keagamaan** | | | | | |
| Masjid | 21 | - | - | - | 21 |
| Perkuburan Islam | 23.3 hek | - | 4 | 4.0 | 27.3 hek |
| Kompleks Islam | - | - | 1 | 1.0 | 1 |
| **Perpustakaan** | | | | | |
| Perpustakaan Daerah | 1 | - | - | - | 1 |
| Perpustakaan Komuniti | 4 | - | 3 | 0.6 | 7 |
| **Institusi Kerajaan** | | | | | |
| Majlis Daerah Jeli | - | 1 | - | - | 1 |
| Pejabat Kesihatan Daerah | - | - | 1 | 5.5 | 1 |
| Pejabat Pendidikan Daerah | - | - | 1 | 1.0 | 1 |

*Nota: * Hospital sedia ada akan digunakan oleh Pejabat Kesihatan untuk kegunaan lain*

*** Terdapat 12 klinik desa di bawah penyeliaan pentadbiran Pejabat kesihatan Jeli , walaubagaimanapun 1 klinik desa (Klinik Desa Ayer Chanal) terletak dalam Jajahan Tanah Merah*

TERAS 4

# PENINGKATAN KUALITI HIDUP KOMUNITI SEJAHTERA







## 4.17 Kemudahan Rekreasi

Dicadangkan supaya beberapa lokasi kemudahan rekreasi sedia ada, terutama yang berkepadatan penduduk tinggi, dapat disediakan komponen kemudahan sebagaimana garis panduan dan piawaian perancangan tanah lapang dan rekreasi, Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Cadangan keperluan kemudahan rekreasi di Jajahan Jeli sehingga tahun 2020 adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual.

| Hierarki | 2010 (Sedia Ada) | | Keperluan Tambahan | | Jumlah 2020 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Hektar | Bil. | Hektar | Hektar | Bil. |
| **BP1 Bandar Jeli** | | | | | | |
| Taman Tempatan | - | - | 1 | 8.0 | 1 | 8.0 |
| Padang Kejiranan | 1 | 3.82 | 1 | 2.0 | 2 | 4.0 |
| Padang Permainan | 4 | 4.62 | 4 | 2.4 | 8 | 4.8 |
| Lot Permainan | 6 | 1.91 | 20 | 4.0 | 26 | 5.2 |
| **Jumlah** | **11** | **10.35** | **26** | **16.4** | **37** | **22.0** |
| **BP2 Ayer Lanas** | | | | | | |
| Taman Tempatan | - | - | 1 | 8.0 | 1 | 8.0 |
| Padang Kejiranan | - | - | 2 | 4.0 | 2 | 4.0 |
| Padang Permainan | 2 | 2.31 | 6 | 3.6 | 8 | 4.8 |
| Lot Permainan | 2 | 0.32 | 22 | 4.4 | 24 | 4.8 |
| **Jumlah** | **4** | **2.63** | **31** | **20.0** | **35** | **21.6** |
| **BP3 Lubok Bongor** | | | | | | |
| Padang Kejiranan | - | - | 1 | 2.0 | 1 | 2.0 |
| Padang Permainan | 2 | 2.02 | 2 | 1.2 | 2 | 1.2 |
| Lot Permainan | 1 | 0.22 | 6 | 1.2 | 7 | 1.4 |
| **Jumlah** | **3** | **22.4** | **9** | **4.4** | **10** | **4.6** |
| **BP4 Bukit Jering** | | | | | | |
| Padang Permainan | 1 | 0.93 | 1 | 0.6 | 1 | 0.6 |
| Lot Permainan | - | - | 4 | 0.8 | 4 | 0.8 |
| **Jumlah** | **1** | **0.93** | **5** | **1.4** | **5** | **1.4** |
| **BP5 Kalai** | | | | | | |
| Padang Permainan | - | - | 1 | 0.6 | 1 | 0.6 |
| Lot Permainan | - | - | 3 | 0.6 | 3 | 0.6 |
| **Jumlah** | **-** | **-** | **4** | **1.2** | **4** | **1.2** |
| **BP6 Bt. Melintang** | | | | | | |
| Padang Kejiranan | 2 | 2.0 | 1 | 2.0 | 1 | 2.0 |
| Padang Permainan | - | - | 4 | 2.6 | 4 | 2.6 |
| Lot Permainan | - | - | 11 | 2.2 | 11 | 2.2 |
| **Jumlah** | **2** | **2.0** | **16** | **6.8** | **16** | **6.8** |
| **BP7 Kuala Balah** | | | | | | |
| Padang Kejiranan | - | - | 1 | 2.0 | 1 | 2.0 |
| Padang Permainan | 1 | 1.81 | 2 | 1.2 | 3 | 1.8 |
| Lot Permainan | 2 | 0.69 | 8 | 1.6 | 10 | 2.0 |
| **Jumlah** | **3** | **2.5** | **11** | **4.8** | **14** | **5.8** |

*Gambaran Elemen 'Hardscape' di Taman Tempatan*



*'Water feature'*



Wakaf



Lot Permainan

# TERAS 5

# PEMBANGUNAN SUMBERJAYA & PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR



## PENGENALAN

**4.18** Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas tentang cadangan pembangunan bagi sektor pembangunan sumberjaya dan pemeliharaan alam sekitar.

## 4.19 Pembangunan Sumberjaya & Pemeliharaan Alam Sekitar

- Cadangan program pengekalan dan pencegahan pencemaran air Sungai Pergau
- Cadangan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber semulajadi dan KSAS serta mengurangkan risiko bencana
- Cadangan mengekal dan penyambungan koridor Ecology Secondary Linkages 9 (SL9) Hutan Simpan Jeli-Hutan Simpan Sg. Sator- Hutan Simpan Sokortaku (BP1,BP2,BP5 dan BP6)
- Cadangan kawalan zon kawasan risiko perbukitan / tanah tinggi
- Pencegahan dan kawalan pencemaran dengan menyediakan kawasan penampan berkeluasan 500m dari aktiviti kilang kayu Bandar Jeli (BP1)

***Pelan Cadangan Pembangunan Alam Sekitar di Jajahan Jeli 2020***





BAHAGIAN 5

# PETA CADANGAN

- Peta Cadangan Guna Tanah Jajahan Jeli 2020
- Peta Cadangan Blok Perancangan 1 (Bandar Jeli)
- Peta Cadangan Blok Perancangan 2 (Ayer Lanas)
- Peta Cadangan Blok Perancangan 3 (Lubok Bongor)
- Peta Cadangan Blok Perancangan 4 (Bukit Jering)
- Peta Cadangan Blok Perancangan 5 (Kalai)
- Peta Cadangan Blok Perancangan 6 (Batu Melintang)
- Peta Cadangan Blok Perancangan 7 (Kuala Balah)

# BAHAGIAN 5 PETA CADANGAN







## PENGENALAN

**5.1** Bahagian ini memperlihatkan peta cadangan gunatanah yang di rancang dalam kawasan Jajahan Jeli di mana seluruh jajahan telah dibahagikan kepada tujuh Blok Perancangan (BP) bagi memudahkan rujukan. Bagi rujukan pembangunan kawasan yang lebih terperinci perlulah merujuk kepada laporan Rancangan Tempatan.

## 5.2 Peta Cadangan Jajahan Jeli 2020

Peta Cadangan Jajahan Jeli 2020 merupakan perincian pembangunan guna tanah bagi membangunkan dan memajukan setiap lot tanah di Jajahan Jeli menjelang tahun perancangan 2020. Cadangan guna tanah ini telah mengambilkira beberapa faktor supaya ianya seiring dengan wawasan untuk menjadikan Jeli sebagai jajahan yang mempunyai perancangan guna tanah yang teratur dan mampan.

*Guna Tanah Utama Jajahan Jeli 2020*

| GUNA TANAH | Cadangan (Hektar) | Peratus (%) |
|---|---|---|
| **Kediaman** | | |
| Terancang | 3,633.57 | 2.80 |
| Tidak Terancang | 530.93 | 0.41 |
| **Perniagaan Dan Perkhidmatan** | 173.58 | 0.13 |
| **Perindustrian** | 70.51 | 0.05 |
| **Institusi Dan Kemudahan Masyarakat** | | |
| Pendidikan | 323.44 | 0.25 |
| Kesihatan | 54.60 | 0.04 |
| Keagamaan | 16.20 | 0.01 |
| Perkuburan | 21.53 | 0.02 |
| Keselamatan | 43.19 | 0.03 |
| Rumah Kebajikan | 0.80 | 0.00 |
| Kegunaan Kerajaan | 45.54 | 0.04 |
| Lain-Lain Kemudahan Masyarakat | 6.02 | 0.00 |
| **Tanah Lapang Dan Rekreasi** | 101.39 | 0.08 |
| **Pengangkutan** | | |
| Jalanraya | 979.13 | 0.76 |
| Kemudahan Pengangkutan | 2.11 | 0.00 |
| **Infrastruktur Dan Utiliti** | | |
| Bekalan Elektrik | 6.92 | 0.01 |
| Bekalan Air | 6.78 | 0.01 |
| Pelupusan Sisa Pepejal | 9.51 | 0.01 |
| Telekomunikasi | 2.29 | 0.00 |
| Pembetungan | 0.77 | 0.00 |
| **Pertanian** | 43,981.26 | 33.92 |
| Penternakan Dan Akuakultur | 14.04 | 0.01 |
| **Badan Air** | 2,097.78 | 1.62 |
| **Hutan** | 77,558.37 | 59.80 |
| **JUMLAH** | **129,680.26** | **100.00** |









## *Peta Cadangan Guna Tanah Jajahan Jeli 2020*



**Peta Jajahan Jeli Mengikut Blok Perancangan**




## 5.3 Pembahagian Blok Perancangan (BP)

Kawasan Rancangan Tempatan Jajahan Jeli telah dibahagikan kepada tujuh (7) Blok Perancangan bagi tujuan memperincikan cadangan dan memudahkan rujukan. Ianya sepertimana pelan di atas dan jadual di sebelah.

**Pembahagian Blok Perancangan**

| Blok Perancangan | Keluasan | Peratus |
|---|---|---|
| BP 1 Bandar Jeli | 15,853.65 | 12.23 |
| BP 2 Ayer Lanas | 17,699.25 | 13.65 |
| BP 3 Lubok Bongor | 29,050.08 | 22.39 |
| BP 4 Bukit Jering | 11,747.11 | 9.06 |
| BP 5 Kalai | 7,998.64 | 6.17 |
| BP 6 Batu Melintang | 25,969.56 | 20.03 |
| BP 7 Kuala Balah | 21,361.97 | 16.47 |

## 5.4 Peta Cadangan BP1 (Bandar Jeli)

| GUNA TANAH | LUAS (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kediaman | 1,502.19 | 9.48 |
| Perniagaan dan Perkhidmatan | 93.35 | 0.59 |
| Perindustrian | 51.55 | 0.33 |
| Institusi & Kemudahan awam | 463.39 | 2.93 |
| Kawasan Lapang & Rekreasi | 21.24 | 1.13 |
| Pengangkutan | 258.82 | 1.63 |
| Pertanian | 6608.40 | 41.66 |
| Rezab Infrastruktur & Utiliti | 10.09 | 1.69 |
| Badan Air | 370.89 | 2.34 |
| Hutan | 6473.73 | 40.84 |
| **JUMLAH** | **15,853.65** | **100.00** |










*Peta Cadangan Guna Tanah BP1 (Bandar Jeli)*









## 5.4 Peta Cadangan BP2 (Ayer Lanas)



| GUNA TANAH | LUAS (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kediaman | 1,327.63 | 8.40 |
| Perniagaan dan Perkhidmatan | 36.36 | 0.21 |
| Perindustrian | 16.31 | 0.09 |
| Institusi & Kemudahan awam | 220.80 | 1.25 |
| Kawasan Lapang & Rekreasi | 7.36 | 0.05 |
| Pengangkutan | 189.00 | 1.07 |
| Pertanian | 10,399.04 | 58.75 |
| Rezab Infrastruktur & Utiliti | 12.81 | 0.06 |
| Badan Air | 281.23 | 1.59 |
| Hutan | 5,208.71 | 29.43 |
| **JUMLAH** | **17,699.25** | **100.00** |




**Peta Cadangan Guna Tanah BP2 (Ayer Lanas)**



## 5.5 Peta Cadangan BP3 (Lubok Bongor)

| GUNA TANAH | LUAS (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kediaman | 285.04 | 0.98 |
| Perniagaan dan Perkhidmatan | 3.18 | 0.01 |
| Perindustrian | 1.85 | 0.01 |
| Institusi & Kemudahan awam | 15.52 | 0.05 |
| Kawasan Lapang & Rekreasi | 16.10 | 0.06 |
| Pengangkutan | 69.54 | 0.24 |
| Pertanian | 9,504.04 | 32.70 |
| Rezab Infrastruktur & Utiliti | 2.42 | 0.01 |
| Badan Air | 335.74 | 1.16 |
| Hutan | 18,816.56 | 64.76 |
| **JUMLAH** | **29,050.08** | **100.00** |




*Peta Cadangan Guna Tanah BP3 (Lubok Bongor)*






## 5.5 Peta Cadangan BP4 (Bukit Jering)




*Peta Cadangan Guna Tanah BP4 (Bukit Jering)*

**PETUNJUK:**

**SEDIA ADA**

TEPU BINA

Kediaman
- Perumahan Terancang
- Perumahan Tidak Terancang

Perniagaan & Perkhidmatan
- Perniagaan

Industri
- Industri

Institusi & Kemudahan Masyarakat
- Pendidikan
- Keagamaan
- Kesihatan
- Keselamatan
- Rumah Kebajikan
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun
- Perkuburan
- Lain-lain Kemudahan Masyarakat

Tanah Lapang & Rekreasi
- Tanah Lapang & Rekreasi

Pengangkutan
- Jalan Raya
- Kemudahan Pengangkutan

Infrastruktur & Utiliti
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Telekomunikasi
- Pelupusan Sisa Pepejal

BUKAN TEPU BINA
- Pertanian
- Penternakan Dan Akuakultur
- Hutan
- Badan Air

LAIN-LAIN
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Antarabangsa

**CADANGAN**

TEPU BINA

Kediaman
- Perumahan Terancang

Perniagaan & Perkhidmatan
- Perniagaan

Industri
- Industri

Institusi & Kemudahan Masyarakat
- Pendidikan
- Keagamaan
- Kesihatan
- Keselamatan
- Rezab Institusi
- Perkuburan

Tanah Lapang & Rekreasi
- Tanah Lapang & Rekreasi

Pengangkutan
- Jalan Raya
- Naik Taraf Jalan Raya

Infrastruktur & Utiliti
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pelupusan Sisa Pepejal
- Pembentungan

| GUNA TANAH | LUAS (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kediaman | 44.37 | 0.38 |
| Perniagaan dan Perkhidmatan | 0.79 | 0.01 |
| Institusi & Kemudahan awam | 6.66 | 0.04 |
| Kawasan Lapang & Rekreasi | 0.93 | 0.06 |
| Pengangkutan | 28.96 | 0.28 |
| Pertanian | 2,076.25 | 17.66 |
| Rezab Infrastruktur & Utiliti | 0.96 | 0.02 |
| Badan Air | 49.33 | 0.42 |
| Hutan | 9,538.86 | 81.02 |
| **JUMLAH** | **11,747.11** | **100.00** |

## 5.6 Peta Cadangan BP5 (Kalai)

| GUNA TANAH | LUAS (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kediaman | 29.29 | 0.37 |
| Perniagaan dan Perkhidmatan | 1.83 | 0.02 |
| Perindustrian | 0.66 | 0.01 |
| Institusi & Kemudahan awam | 6.59 | 0.07 |
| Kawasan Lapang & Rekreasi | 1.83 | 0.02 |
| Pengangkutan | 23.43 | 0.29 |
| Pertanian | 3,390.65 | 42.40 |
| Rezab Infrastruktur & Utiliti | 0.20 | 0.00 |
| Badan Air | 24.48 | 0.31 |
| Hutan | 4,519.68 | 56.51 |
| **JUMLAH** | **7,998.64** | **100.00** |




*Peta Cadangan Guna Tanah BP5 (Kalai)*



## 5.7 Peta Cadangan BP6 (Batu Melintang)













**Peta Cadangan Guna Tanah BP6 (Batu Melintang)**




| GUNA TANAH | LUAS (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kediaman | 648.87 | 2.50 |
| Perniagaan dan Perkhidmatan | 34.02 | 0.13 |
| Perindustrian | 0.32 | 0.00 |
| Institusi & Kemudahan awam | 60.94 | 0.23 |
| Kawasan Lapang & Rekreasi | 42.81 | 0.17 |
| Pengangkutan | 311.68 | 1.20 |
| Pertanian | 5,304.29 | 20.43 |
| Rezab Infrastruktur & Utiliti | 2.37 | 0.01 |
| Badan Air | 677.72 | 2.61 |
| Hutan | 18,886.54 | 72.72 |
| **JUMLAH** | **25,969.56** | **100.00** |

## 5.8 Peta Cadangan BP7 (Kuala Balah)




***Peta Cadangan Guna Tanah BP7 (Kuala Balah)***

**PETUNJUK:**

**SEDIA ADA**
TEPU BINA
Kediaman
- Perumahan Terancang
- Perumahan Tidak Terancang

Perniagaan & Perkhidmatan
- Perniagaan

Industri
- Industri

Institusi & Kemudahan Masyarakat
- Pendidikan
- Keagamaan
- Kesihatan
- Keselamatan
- Rumah Kebajikan
- Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun
- Perkuburan
- Lain-lain Kemudahan Masyarakat

Tanah Lapang & Rekreasi
- Tanah Lapang & Rekreasi

Pengangkutan
- Jalan Raya
- Kemudahan Pengangkutan

Infrastruktur & Utiliti
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Telekomunikasi
- Pelupusan Sisa Pepejal

BUKAN TEPU BINA
- Pertanian
- Penternakan Dan Akuakultur
- Hutan
- Badan Air

LAIN-LAIN
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Antarabangsa

**CADANGAN**
TEPU BINA
Kediaman
- Perumahan Terancang

Perniagaan & Perkhidmatan
- Perniagaan

Industri
- Industri

Institusi & Kemudahan Masyarakat
- Pendidikan
- Keagamaan
- Kesihatan
- Keselamatan
- Rezab Institusi
- Perkuburan

Tanah Lapang & Rekreasi
- Tanah Lapang & Rekreasi

Pengangkutan
- Jalan Raya
- Naik Taraf Jalan Raya

Infrastruktur & Utiliti
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pelupusan Sisa Pepejal
- Pembentungan







| GUNA TANAH | LUAS (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Kediaman | 443.62 | 2.08 |
| Perniagaan dan Perkhidmatan | 4.80 | 0.02 |
| Perindustrian | 0.22 | 0.00 |
| Institusi & Kemudahan awam | 30.63 | 0.13 |
| Kawasan Lapang & Rekreasi | 15.69 | 0.07 |
| Pengangkutan | 99.09 | 0.17 |
| Pertanian | 6,293.44 | 29.47 |
| Rezab Infrastruktur & Utiliti | 1.24 | 0.00 |
| Badan Air | 24.48 | 0.31 |
| Hutan | 4,519.68 | 56.51 |
| **JUMLAH** | **14,114.29** | **100.00** |

# Sekalung Penghargaan

Kerajaan Negeri Kelantan,

Jabatan Perancangan Bandar &
Desa Negeri Kelantan,

Majlis Daerah Jeli,

Jabatan-jabatan Kerajaan,

Agensi-agensi Swasta,

Barisan Perunding

&

Semua Yang Terlibat Secara Langsung
Atau Tidak Langsung Dalam
Menyempurnakan Draf Rancangan
Tempatan Jajahan Jeli 2020.